



Rujukan : UMS/CAN1.1.1/500-5/3/17

Tarikh : 29 FEBRUARI 2018

YBhg. Datuk/Prof/Dr/Tuan/Puan,

SOAL SELIDIK TAHAP PENGGUNAAN TEKNOLOGI UNTUK MENINGKATKAN PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0 untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memperkasakan amalan e-Pembelajaran di kalangan pelajar dan pensyarah.

3. Universiti Malaysia Sabah sedang dalam usaha untuk menilai kesediaan kakitangan akademik untuk menjadi pengamal e-Pembelajaran. Satu soalselidik telah diwujudkan bagi tujuan ini. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama YBhg. Datuk/Prof/Dr/Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan akademik untuk mengisi soalselidik tersebut dengan klik pautan ini : <https://www.surveymonkey.com/r/2J69FZB>

4. Semua kakitangan akademik **DIWAJIBKAN** untuk melengkapkan soalselidik tersebut selewat-lewatnya pada **2 Mac 2018**. Soalselidik ini bertujuan untuk menilai tahap dan kesediaan kakitangan akademik dalam penggunaan teknologi bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pembelajaran pelajar di UMS. Maklumbalas tersebut juga akan digunakan dalam beberapa siri bengkel yang akan diadakan untuk mengemaskini garis panduan e-Pembelajaran di UMS.

Sokongan dan perhatian daripada YBhg. Datuk/Prof/Dr/Tuan/Puan mengenai perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

PROF. DR. RASID MAIL

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

b.p Naib Canselor

No. Telefon : 088-320000 samb. 1121

No. Faks : 088-320126

Alamat E-mel : elly@ums.edu.my

sk. - Naib Canselor
- Pengarah Pusat E-Pembelajaran
- Fail